



Rujukan Kami: KK/eP(S) 10/656 / 6
Jld.4(s.k.3)(5)

Tarikh : 4 April 2011
30 Rabiul Akhir 1432H

SEPERTI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PERUBAHAN-PERUBAHAN KEPADA TATACARA PENGURUSAN PEROLEHAN KERAJAAN SECARA *eBIDDING* MELALUI SISTEM ePEROLEHAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum bahawa Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bilangan 3 tahun 2009 bertarikh 10 Februari 2009 mengenai Tatacara Pengurusan Perolehan Kerajaan Secara *eBidding* Melalui Sistem ePerolehan (eP) telah menetapkan had nilai perolehan hendaklah melebihi RM200,000. Dalam konteks ini, Kementerian Kewangan telah memutuskan had nilai perolehan Kerajaan bagi bekalan dan perkhidmatan secara *eBidding* diubah kepada melebihi RM50,000. Selaras dengan ini, beberapa perubahan kepada tatacara pengurusan perolehan secara *eBidding* adalah seperti berikut:

- i. Tanggungjawab Jawatankuasa Sebut Harga/Lembaga Perolehan adalah berdasarkan kepada anggaran harga jabatan;
- ii. Perbezaan Notis Pelawaan *eBidding* bagi *eBidding* yang memerlukan taklimat atau lawatan tapak dan sebaliknya;
- iii. Nilai penurunan minima bidaan atas talian diubah mengikut anggaran harga jabatan;
- iv. Fungsi semakan bilangan pembekal diperkenalkan supaya Agensi boleh mengenal pasti bilangan pembekal berdasarkan kepada kriteria kelayakan pembekal;

- v. Penilaian pra kelayakan hanya boleh dilaksanakan sekiranya tawaran permulaan adalah daripada sekurang-kurangnya lima (5) pembekal; dan
- vi. Bidaan atas talian hanya boleh dilaksanakan jika terdapat sekurang-kurangnya tiga (3) pembekal yang mengesahkan jemputan.

3. Penjelasan lanjut mengenai perubahan-perubahan berkenaan boleh dirujuk dalam garis panduan seperti di **Lampiran A**. Sebarang pertanyaan berhubung garis panduan tersebut, Kementerian/Jabatan boleh merujuk kepada Unit eP seperti berikut:

**Pengarah Projek ePerolehan
Unit ePerolehan
Kementerian Kewangan
Aras 1, Blok Helang, Kompleks Pejabat dan Villa,
Cyberview Gardens,
63000 Cyberjaya,
Selangor Darul Ehsan.**
No. Tel : 03 – 83127270
No. Faks : 03 – 83127271
e-Mel : bantuanep@eperolehan.gov.my

4. Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **5 April 2011**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ABD. SHUKOR BIN IBRAHIM)
Pengarah Projek ePerolehan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (P)

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1 Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya